

Generasi muda perlu contohi pemimpin dulu

BH - 17/6/2007

GENERASI muda terutama pemimpin Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) hendaklah menghayati dan mencontohi ciri kepimpinan pemimpin terdahulu seperti Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein iaitu kebijaksanaan, kesetiaan, kejujuran dan keikhlasan.

Pengerusi Pemuda BN, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata ciri itu adalah khazanah penting perlu diwarisi pemimpin muda kerana ia amat relevan bagi memastikan impian pemimpin terdahulu untuk menjadikan Malaysia setaraf dengan negara maju dicapai.

Beliau berkata, pemimpin terdahulu seperti Tun Razak sudah membuktikan menerusi kebijaksanaan, kesetiaan, kejujuran dan keikhlasan ketika menangani isu perkauman, hubungan dengan negara jiran dan memajukan ekonomi ketika negara baru mencapai kemerdekaan.

"Disebabkan ciri kepimpinan dimiliki Tun Razak maka semua kaum dapat menerima dasar pembangunan dilaksanakan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang masih relevan dan diwarisi generasi hari ini.

"Generasi muda juga kena tahu bezakan maksud cerdik pandai dan bijaksana serta perlu menyedari bahawa bukan mudah memimpin negara majmuk seperti Malaysia," katanya pada sidang media selepas majlis penutup Seminar Legasi Tun Abdul Razak Kepada Pembangunan Negara, di sini, petang semalam.

Seminar itu adalah anjuran Akademi Pemuda Umno dan Persatuan Alumni Yayasan Tun Razak.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, semua input dan cadangan daripada seminar dua hari itu akan dikaji dan dibincangkan dalam mesyuarat Exco Pemuda Umno, esok sebelum membangkitkan perkara yang didapati masih relevan untuk dibawa perhatian kepada Pemuda BN.

Sementara itu, Naib Ketua Pemuda Umno yang juga Timbalan Pengerusi Pemuda BN, Khairy Jamaluddin, berkata semua cadangan yang dibentangkan pada seminar itu akan diteliti dan dimanfaatkan sepenuhnya untuk kepentingan pemimpin Pemuda BN, khususnya isu DEB, walaupun ia sudah lama tetapi tidak bermakna ia sudah tidak relevan.